



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

## JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

---

### PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-210 BIL. 17/2026

#### KEM BRIGED MAHASISWA NEGARA UMPSA BAGI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA DAN DUAL IJAZAH SARJANA MUDA TAHUN 1 SESI AKADEMIK 2025/2026

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** menghadiri keseluruhan slot yang telah ditetapkan dengan jayanya sebagaimana susunan dalam tentatif program. Kehadiran akan direkodkan bagi setiap slot sebagai sebahagian daripada penilaian rasmi universiti.

Ketidakhadiran tanpa sebab yang munasabah dan kelulusan pihak penganjur akan memberi implikasi serius, termasuk:

- Menjejaskan markah/gred kursus kokurikulum (UQA2002)
- Pengguguran daripada senarai kelayakan penempatan kolej kediaman, walaupun pelajar mempunyai ADAB Point yang tinggi.

Pihak universiti memandang serius perkara ini sebagai sebahagian daripada pembentukan disiplin, komitmen dan jati diri mahasiswa selaras dengan aspirasi pembangunan pelajar universiti.

Sehubungan itu, kerjasama dan komitmen penuh daripada semua pelajar amatlah dituntut.

Sekian, terima kasih.

**Akademi ADAB**

b.p TNCHEPA

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 15 April 2026